

Natrah tegur pekerja baru secara berhemah

SEJARAH kerjaya Natrah di Perpustakaan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sangat menarik. Dia sudah berkhidmat lebih 20 tahun di gedung ilmu yang sebelum ini dikenal sebagai Pusat Sains dan Perikanan. Malah, dia berjaya sampai ke taraf Pembantu Kanan Perpustakaan UMT. *SHT 24/04/08 pg-113*

Orangnya berperwatakan ceria, mudah mesra dan sikap mesra ini membuatkan hubungannya dengan rakan sekerja lain terjalin erat meskipun dengan pekerja baru. Natrah sangat berhemah dan bersikap terbuka. Bukti, dia sangat teliti ketika menegur pekerja baru yang didapati melakukan kesilapan.

"Jika ingin memberi teguran kepada pekerja baru sekalipun perlulah dengan cara yang baik agar hubungan kita dengan individu yang ditegur itu tidak terjejas," ujarnya.

Selain itu, Natrah komited terhadap tugasnya. Setiap tugas yang diberikan dilakukan dengan teliti supaya tidak mendatangkan kesulitan pada pihak pengurusan dan pengguna perpustakaan.



profil

Nama: Natrah Yusof
Umur: 50 tahun
Tarikh: 26 April 1958
Kerjaya: Pembantu Kanan Perpustakaan Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

Rutin kerjanya seperti sama seperti orang lain. Ada kalanya terpaksa bertugas pada waktu malam terutama apabila tiba minggu peperiksaan kerana ketika itu ramai pelajar menggunakan perpustakaan untuk mengulangkaji pelajaran.

Ibu kepada empat anak ini sibuk dengan rutin kerja dan menguruskan keluarga, namun tetap aktif dalam aktiviti yang dianjurkan pihak UMT bersama rakan sekerja lain.